



Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

**MENEROKA PANDANGAN PELAJAR UNIVERSITI TERHADAP
ISU PERKAHWINAN AWAL DALAM KALANGAN REMAJA DI
MALAYSIA**

Rahmah binti Yusof

Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian
2021

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: A

Please tick one

Final Year Project	<input checked="" type="checkbox"/>
Masters	<input type="checkbox"/>
PhD	<input type="checkbox"/>

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the ____ day of _____ 2021.

Student's Declaration

I, RAHMAH BINTI YUSOF, 68717, FACULTY OF COGNITIVE SCIENCES AND HUMAN DEVELOPMENT, hereby declare that the work entitled MENEROKA PANDANGAN PELAJAR UNIVERSITI TERHADAP ISU PERKAHWINAN AWAL DALAM KALANGAN REMAJA DI MALAYSIA is my original work. I have not copied from any other students' work or forum with the exception where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part of the work been written for me by another person.

Date Submitted

RAHMAH BINTI YUSOF
(68717)

Supervisor's Declaration:

I, DR MERIKAN AREN, hereby certify that the work entitled MENEROKA PANDANGAN PELAJAR UNIVERSITI TERHADAP ISU PERKAHWINAN AWAL DALAM KALANGAN REMAJA DI MALAYSIA was prepared by the aforementioned or above mentioned student, and was submitted to the "FACULTY" as a *partial/full fulfilment for the conferment of BACHELOR OF COUNSELLING WITH HONOURS, and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: _____ Date: _____

DR MERIKAN AREN

I declare this Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential informations under the Official Secret Act 1972) *
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

I declare this Project/Thesis to be submitted to the Centere for Academic Information Servies (CAIS) and uploaded into UNIMAS Institutional Repository (UNIMAS IR) (Please tick (√)):

- YES**
- NO**

Validation of Project/Thesis

I hereby truly affirmed with free consent and willingness that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centere for Academic Information Services with the abide interest and acts as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centere for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic and research purposes only and not for other purposes.
- The Centere for Academic Information Services has the lawful right to digitize the content to be uploaded into Local Content Database.
- The Centere for Academic Information Services has the lawful to make copies of the Project/Thesis if required for use by other parties for academic purposes or by other Higher Learning Institutes.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself/herself neither a third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student himself/herself without first obtaining approval from UNIMAS.

Student's signature: _____
Date: _____

Supervisor signature: _____
Date: _____

Current Address: Blok 6, Jalan laboi, Kampung Layang-Layangan, Wilayah Persekutuan Labuan

Notes: *If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the date of restriction indicated, and the reasons for the confidentiality and restriction.

**MENEROKA PANDANGAN PELAJAR UNIVERSITI TERHADAP ISU
PERKAHWINAN AWAL DALAM KALANGAN REMAJA DI MALAYSIA**

Rahmah binti Yusof

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

(2021)

Projek bertajuk “Meneroka Pandangan Pelajar Universiti Terhadap Isu Perkahwinan Awal Dalam Kalangan Remaja Di Malaysia” telah disediakan oleh Rahmah binti Yusof dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian.

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

(Dr Merikan Aren)

Tarikh:

.....

Gred

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T atas limpah dan kurniaNya, dapat saya menyiapkan Projek Tahun Akhir (PTA) ini dengan jayanya walaupun terdapat pelbagai rintangan dan cabaran yang saya perlu tempuhi. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia Projek Tahun Akhir saya iaitu Dr Merikan Aren atas segala sokongan, kesabaran, nasihat dan bimbingan yang telah banyak membantu saya dalam menjayakan Projek Tahun Akhir ini. Tanpa sokongan, kesabaran, nasihat, dan bimbingan dari beliau, saya tidak mungkin akan berjaya menyiapkan Projek Tahun Akhir ini.

Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya yang saya hormati, Encik Yusof bin Yunos dan Puan Armah binti Yunus yang sentiasa memberi kata-kata semangat, dorongan, kasih sayang dan doa yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sering memberikan kata-kata semangat dan sokongan sepanjang saya menyiapkan Projek Tahun Akhir ini. Tidak lupa juga kepada kesemua responden yang sudi meluangkan masa yang sangat bernilai untuk melibatkan diri dalam Projek Tahun Akhir ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan Projek Tahun Akhir ini. Semoga Projek Tahun Akhir ini dapat dijadikan bahan bacaan yang berguna dan dapat dijadikan rujukan untuk pihak-pihak yang berkenaan pada masa akan datang.

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
Penghargaan	i
Jadual Kandungan	ii
Senarai Jadual	v
Abtrak	vi
Abstract	vii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1. Pengenalan	1
1.2. Latar Belakang Kajian	1
1.3. Objektif Kajian	3
1.4. Persoalan Kajian	3
1.5. Penyataan Masalah	4
1.6. Definisi Istilah	4
1.6.1. Pelajar Universiti	4
1.6.2. Perkahwinan Awal	5
1.6.3. Remaja	5
1.7. Kepentingan Kajian	6
1.8. Rumusan	6
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	7
2.1. Pengenalan	7
2.2. Tinjauan literatur	7
2.2.1. Perkahwinan Awal	7
2.2.2. Remaja di Malaysia	8
2.3. Tinjauan Literatur Berkaitan	8
2.3.1. Pengalaman Remaja Yang Berkahwin Pada Usia Remaja	8
2.3.2. Pandangan Remaja Perempuan Mengenai Perkahwinan Remaja	10
2.3.3. Faktor Perkahwinan Awal	11
2.4. Teori Identiti Sosial	12

2.5. Rumusan	13
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	14
3.1. Pengenalan	14
3.2. Rekabentuk Kajian	14
3.3. Kaedah Persampelan	15
3.3.1. Populasi	15
3.3.2. Sampel	15
3.4. Instrumen Kajian	15
3.5. Kajian Rintis	15
3.6. Etika Kajian	16
3.7. Prosedur Kutipan Data	16
3.8. Prosedur Analisis Data	17
3.9. Rumusan	17
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	18
4.1. Pengenalan	18
4.2. Latar Belakang Responden	18
4.3. Dapatan Kajian	19
4.3.1. Pandangan Pelajar Terhadap Perkahwinan Awal dalam Kalangan Remaja	20
4.3.2. Impak Perkahwinan Awal dalam Kalangan Remaja	22
4.3.3. Faktor Berlakunya Perkahwinan Awal dalam Kalangan Remaja	24
4.3.4. Isu Yang Wujud dalam Perkahwinan Awal dalam Kalangan Remaja	27
4.4. Rumusan	29
BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN KAJIAN DAN RUMUSAN	31
5.1. Pengenalan	31
5.2. Perbincangan	31

5.2.1. Pandangan Pelajar Terhadap Perkahwinan Awal dalam Kalangan Remaja	32
5.2.2. Pandangan Pelajar Terhadap Impak Perkahwinan Awal dalam Kalangan Remaja	33
5.2.3. Pandangan Pelajar Tentang Faktor Perkahwinan Awal dalam Kalangan Remaja	35
5.2.4. Pandangan Pelajar Terhadap Isu-isu yang Wujud dalam Perkahwinan Awal dalam Kalangan Remaja	36
5.3. Rumusan Perbincangan	37
5.4. Implikasi Kajian	38
5.4.1. Implikasi Kepada Kaunselor	38
5.4.2. Implikasi Kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	38
5.4.3. Implikasi Kepada Remaja	39
5.4.4. Implikasi Kepada Ibu Bapa	39
5.5. Limitasi Kajian	39
5.6. Cadangan Kajian Lanjutan	40
5.7. Rumusan	40
RUJUKAN	43
LAMPIRAN	45

SENARAI JADUAL

Jadual 1

Ringkasan Latar Belakang Responden

19

ABSTRAK

MENEROKA PANDANGAN PELAJAR UNIVERSITI TERHADAP ISU PERKAHWINAN AWAL DALAM KALANGAN REMAJA DI MALAYSIA

Rahmah binti Yusof

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pandangan pelajar universiti terhadap isu perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia. Terdapat ramai remaja yang berkahwin pada awal usia dan kemudiannya terpaksa berhadapan dengan pelbagai isu atau masalah selepas berkahwin. Pasangan yang berkahwin pada usia remaja berisiko untuk bercerai dalam tempoh masa yang kurang daripada pasangan yang berkahwin pada usia dewasa. Perkahwinan awal dalam kalangan remaja juga memberi impak dalam pelbagai aspek seperti persekolahan, kewangan, dan tanggungjawab. Objektif kajian ini adalah untuk meneroka pandangan pelajar tentang perkahwinan awal dalam kalangan remaja, impak perkahwinan awal, faktor perkahwinan awal serta meneroka pandangan pelajar tentang isu-isu yang wujud dalam perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif iaitu penyelidikan fenomenologi. Kaedah temu bual separa berstruktur digunakan untuk menemubual 12 orang pelajar Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, UNIMAS. Hasil kajian mendapati empat tema iaitu pandangan pelajar tentang perkahwinan awal, impak perkahwinan awal, faktor perkahwinan awal, dan isu yang wujud dalam perkahwinan awal dalam kalangan remaja. Terdapat empat sub tema bagi pandangan pelajar tentang perkahwinan awal dalam kalangan remaja iaitu belum matang, mengikut trend, mengelakkan maksiat, dan tidak sepatutnya berkahwin. Bagi sub tema kepada impak perkahwinan awal dalam kalangan remaja pula ialah masalah perceraian, terbeban, mengabaikan tanggungjawab, kecewa dengan pendidikan, dan berdikari. Manakala bagi faktor perkahwinan awal dalam kalangan remaja, tiga sub tema telah dikenal pasti iaitu terpengaruh, kehamilan, dan aturan keluarga. Akhir sekali, sub tema bagi isu-isu yang wujud dalam perkahwinan awal dalam kalangan remaja ialah tanggungjawab, penyesalan, pengurusan kewangan, dan perceraian. Kajian ini memberi implikasi kepada kaunselor dalam menyediakan intervensi yang sesuai untuk membantu klien yang datang dengan isu berkaitan perkahwinan awal.

Kata Kunci: Remaja, Perkahwinan Awal, Perceraian, Pandangan Pelajar

ABSTRACT

EXPLORING UNIVERSITY STUDENTS' VIEWS ON THE ISSUE OF EARLY MARRIAGE AMONG ADOLESCENTS IN MALAYSIA

Rahmah binti Yusof

This study aims to explore the views of university students on the issue of early marriage among adolescents in Malaysia. There are many teenagers who get married at an early age and then they have to deal with various issues or problems after marriage. Couples who married in adolescence are at risk for divorce in less time than couples who married in adulthood. Early marriage among adolescents also has an impact in various aspects such as schooling, finance, and responsibilities. The objective of this study is to explore students' views on early marriage among adolescents, the impact of early marriage, the factors of early marriage, and to explore students' views on the issues that exist in early marriage among adolescents in Malaysia. This study uses a qualitative research method which is phenomenological research. A semi-structured interview method was used to interview 12 students in the Faculty of Cognitive Sciences and Human Development, UNIMAS. The study found four themes, which are students' views on early marriage, impact of early marriage, early marriage factors, and issues that inherent in early marriage among adolescents. There are four sub themes for students' views on early marriage among adolescents, which are immature, following trends, avoid immorality, and should not marry. For the sub themes to the impacts of early marriage among adolescents are divorce, burden, neglect of responsibilities, frustration with education, and independent. As for the factors of early marriage among adolescents, three sub themes have been identified which are being influenced, pregnancy, and family order. Lastly, sub themes for issues inherent in early marriage among adolescents are responsibility, remorse, financial management, and divorce. This study has implications for counsellors in providing appropriate interventions to help clients who come up with issues related to early marriage.

Keywords: *Adolescence, Early Marriage, Divorce, Students' View*

BAB 1

Pengenalan

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian, pernyataan masalah, definisi istilah, kepentingan kajian, dan rumusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada masa kini, banyak pasangan yang berkahwin di usia remaja dan mereka terpaksa mengorbankan masa depan mereka kerana perkahwinan awal. Perkahwinan awal dalam kalangan remaja merupakan masalah yang sudah lama berlaku di Malaysia (Hin, 2017). Hal ini kerana, sejak tahun 2010 terdapat hampir 9,000 kes perkahwinan awal di kalangan remaja iaitu 6,268 remaja beragama Islam dan 2,275 lagi adalah bukan Islam. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2016, seperti yang dinyatakan dalam Rusli, 2018) terdapat 6268 permohonan perkahwinan awal yang disetujui oleh mahkamah Syariah di seluruh negara pada tahun 2010 hingga 2015

Perkahwinan awal dilihat telah menjadi ikutan remaja-remaja di Malaysia. Hal ini kerana, ramai remaja pada masa kini yang sudah memulakan perniagaan sejak bersekolah lagi dan mereka mampu untuk menanggung perbelanjaan keluarga mereka. Di samping itu, terdapat juga pasangan yang berkahwin pada usia remaja atas kemahuan ibu bapa mereka kerana ibu bapa mereka mempunyai masalah kewangan. Ibu bapa remaja tersebut juga mempercayai bahawa lelaki yang mengahwini anak mereka dapat menjaga anak mereka dengan lebih baik dan yakin bahawa kehidupan anak mereka akan lebih terjamin selepas berkahwin (Jaffri et al., 2019).

Menurut Nik Wajis et al. (2020) perbezaan pemikiran, kefahaman dan interpretasi undang-undang serta kesan daripada perkahwinan di bawah umur membawa kepada perbincangan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Hal ini kerana, walaupun terdapat had umur minimum untuk berkahwin telah ditetapkan, namun undang-undang tersebut dilihat tidak lagi relevan untuk diguna pakai pada masa kini kerana implikasi perkahwinan di bawah umur lebih memberi kemudahan berbanding kebaikan terutamanya dari aspek kesihatan dan pendidikan.

Lazimnya, perkahwinan dalam kalangan remaja mempengaruhi persekolahan remaja tersebut apabila mereka terpaksa bekerja di usia remaja untuk menyara keluarga mereka (Saim et al, 2018). Akibat dari menamatkan persekolahan sebelum waktu yang sepatutnya menyebabkan remaja tidak mendapat kelulusan pendidikan yang baik. Apabila mereka tidak mempunyai kelulusan pendidikan yang baik, ini akan menyukarkan mereka untuk mencari atau mendapatkan pekerjaan yang baik. Bagi remaja perempuan khususnya mereka akan terikat kepada peranan sebagai isteri dan ibu di rumah. Remaja yang berkahwin awal juga mempunyai risiko kemurungan, ketidakupayaan, dan risiko perceraian yang tinggi (Mardi et al., 2018).

Perkahwinan pada usia remaja ini dikatakan merupakan salah satu perkahwinan yang kurang stabil. Ini adalah kerana, berkahwin pada usia remaja merupakan antara faktor yang menyebabkan meningkatnya kadar perceraian (Seiler, 2002, seperti yang dinyatakan dalam Saim et al., 2018). Dahl (2010) seperti yang dinyatakan dalam Saim et al. (2018) juga berpendapat bahawa kebanyakan remaja membuat keputusan yang tergesa-gesa untuk berkahwin tanpa berfikir tentang kesan atau isu yang mereka akan hadapi selepas berkahwin. Pasangan yang berkahwin pada usia remaja lebih berisiko untuk bercerai dalam tempoh 15 tahun setelah berkahwin iaitu tempoh yang lebih

pendek daripada pasangan yang berkahwin pada usia dewasa. Perkahwinan pada usia remaja juga meningkatkan risiko penderaan rumahtangga terutamanya kepada wanita.

Perkahwinan awal dalam kalangan remaja terbukti memberi kesan negatif terhadap kesihatan fizikal dan mental remaja, mengurangkan peluang pendidikan dan ekonomi mereka, serta meningkatkan risiko penderaan rumahtangga (Hin, 2017). Berdasarkan kesan-kesan dan isu-isu yang dialami oleh pasangan yang berkahwin pada usia remaja, pandangan masyarakat terhadap mereka juga berkemungkinan positif dan negatif. Oleh itu, kajian ini meneroka pandangan dan penerimaan pelajar universiti tentang isu perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia.

1.3 Objektif Kajian

1. Meneroka pandangan pelajar tentang perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia.
2. Meneroka pandangan pelajar terhadap impak perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia.
3. Meneroka pandangan pelajar tentang faktor perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia.
4. Meneroka pandangan pelajar tentang isu yang wujud dalam perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia.

1.4 Persoalan Kajian

1. Adakah terdapat isu mengenai perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia?
2. Adakah terdapat kesan kepada remaja yang berkahwin awal di usia remaja?
3. Adakah terdapat faktor yang spesifik berkenaan perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia?
4. Apakah pandangan pelajar tentang perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia?
5. Adakah remaja yang berkahwin di usia muda akan mendapat pandangan yang negatif daripada pelajar?

1.5 Penyataan Masalah

Kohno et al. (2020) dalam kajiannya menyatakan bahawa remaja perempuan di Sarawak, Malaysia berkahwin di usia remaja adalah kerana tingkah laku kesihatan berisiko seperti melakukan hubungan seks tanpa menggunakan alat perlindungan, pengambilan dadah dan alkohol, kemiskinan keluarga, dan ketidakharmonian keluarga. Ini menyebabkan mereka berkahwin tanpa berfikir panjang tentang isu-isu yang mereka akan hadapi selepas berkahwin seperti tanggungjawab sebagai ketua keluarga, kesihatan mental, perceraian, dan sebagainya. Masalah kewangan juga merupakan salah satu isu atau masalah yang boleh dihadapi oleh pasangan yang berkahwin pada usia remaja (Jaffri et al., 2019). Hal ini kerana, pada usia remaja mereka masih belum mempunyai kewangan yang kukuh untuk menyara keluarga. Akibat dari tidak menamatkan persekolahan, remaja tidak mendapat kelulusan pendidikan yang baik dan menyebabkan mereka sukar untuk mencari atau mendapatkan pekerjaan yang baik. Selain itu, perceraian juga boleh berlaku kepada pasangan yang berkahwin pada usia remaja. Hal ini kerana, mereka masih belum matang dan sukar untuk memahami pasangan masing-masing. Mereka juga seringkali mempunyai komunikasi yang kurang baik. Di samping itu, kehamilan juga memberikan kesan kepada pasangan remaja terutamanya kepada remaja perempuan dimana mereka berisiko dua kali ganda untuk mengalami komplikasi keguguran atau meninggal dunia ketika melahirkan anak berbanding dengan wanita yang berusia 20 tahun dan ke atas (Abd Rashid & Ali, 2015, seperti yang dinyatakan dalam Nik Wajis et al., 2020). Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat permasalahan atau isu mengenai perkahwinan awal di kalangan remaja. Pandangan dan penerimaan masyarakat tentang perkahwinan awal di kalangan remaja juga mungkin berbeza. Oleh itu, satu kajian yang berkaitan dengan penerokaan pandangan pelajar universiti tentang isu-isu perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia telah dijalankan.

1.6 Definisi Istilah

1.6.1 Pelajar Universiti

Konseptual: Pelajar universiti atau dikenali juga sebagai mahasiswa dan mahasiswi merujuk kepada penuntut di institut pengajian tinggi awam atau institut pengajian tinggi swasta (Dewan Bahasa dan Pustaka, n.d).

Operasi: Pelajar universiti merupakan sekelompok pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di universiti awam atau universiti swasta.

1.6.2 Perkahwinan Awal

Konseptual: Menurut UNICEF (2006, seperti yang dinyatakan dalam Child Marriage, n.d) perkahwinan awal ialah apabila seorang lelaki atau perempuan berkahwin sebelum mencapai umur 18 tahun. Perkahwinan kanak-kanak ataupun perkahwinan awal merujuk kepada perkahwinan remaja yang berumur kurang dari 18 tahun dan ia masih diamalkan di kebanyakan negara termasuk di Malaysia. Perkahwinan awal dalam kalangan remaja juga memberi impak negatif kepada remaja tersebut terutamanya terhadap remaja perempuan (Adedokun, Adeyemi, & Dauda, 2016).

Operasi: Perkahwinan awal ialah perkahwinan remaja yang berumur di antara 15 tahun hingga 18 tahun. Perkahwinan mereka kebanyakannya adalah kerana mengandung sebelum berkahwin dan faktor sosial yang lain.

1.6.3 Remaja

Konseptual: Jannah (2016) menyatakan bahawa remaja ialah individu yang berada dalam proses menjadi dewasa dan masih dalam proses mengenali yang mana betul dan salah, perasaan ingin mengenali remaja yang berlawanan jantina, memahami peranan dalam dunia sosial, menerima identiti mereka, dan dalam proses mengembangkan potensi yang terdapat dalam diri mereka.

Operasi: Remaja merupakan individu yang berumur antara usia kanak-kanak dan usia dewasa iaitu mereka berumur di antara 12 tahun hingga 18 tahun. Mereka juga dalam proses untuk mengenali diri sendiri dan mereka kebanyakannya menjadi pemberontak dalam tahap perkembangan ini.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada kaunselor, individu dan masyarakat. Dengan adanya kajian ini, kaunselor dapat merancang intervensi kepada permasalahan yang dihadapi oleh pasangan yang telah berkahwin dalam usia remaja. Kajian ini juga dijalankan agar kaunselor dapat memahami perasaan dan emosi pasangan yang berkahwin di usia remaja. Selain itu, kajian ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya remaja-remaja di Malaysia mengenai isu perkahwinan awal dalam kalangan remaja serta cabaran dalam perkahwinan sekiranya mereka berkahwin sebelum mereka melangkah dewasa. Di samping itu, kajian ini dapat membuatkan remaja berfikir dengan bijak sebelum membuat keputusan untuk berkahwin semasa mereka masih bersekolah atau masih dalam usia remaja. Tambahan pula, remaja juga akan lebih menghargai dan menjaga diri mereka agar tidak timbul isu yang menyebabkan mereka terpaksa berkahwin semasa mereka masih remaja.

1.8 Rumusan

Pandangan pelajar terhadap isu perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia akan diteroka dengan lebih mendalam. Hal ini kerana perkahwinan awal dalam kalangan remaja di Malaysia semakin meningkat. Bab seterusnya akan membincangkan tentang tinjauan literatur.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dengan lebih mendalam tentang kajian-kajian lepas berkenaan perkahwinan awal dalam kalangan remaja.

2.2 Tinjauan Literatur

2.2.1 Perkahwinan awal

Menurut Kohno et al. (2020) perkahwinan kanak-kanak ialah perkahwinan yang melibatkan remaja berumur dibawah umur 18 tahun. Perkahwinan tersebut juga merupakan masalah sosial yang telah lama berlaku di Sarawak, Malaysia. Walaupun pihak yang berkenaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki keadaan berkaitan dengan ketidakadilan bagi wanita yang berkahwin pada usia remaja, isu perkahwinan awal ini masih merupakan sebahagian perkara yang menjadi kebiasaan dalam tradisi dan budaya masyarakat. Montazeri et al. (2016) dalam kajiannya ada menyatakan bahawa perkahwinan awal di kalangan remaja adalah masalah yang berlaku di seluruh dunia dan ia berkaitan dengan kesihatan remaja serta kesan sosial terhadap remaja terutamanya kesan terhadap remaja perempuan.

Perkahwinan awal atau perkahwinan kanak-kanak adalah perkahwinan di mana isteri atau suami atau kedua-duanya berusia di bawah 18 tahun (Mardi et al., 2018). Apabila remaja berkahwin pada usia remaja, ini dapat memberi impak negatif kepada pendidikan mereka kerana mereka harus bekerja untuk menyara keluarga kecil mereka (Saim et al., 2018).

2.2.2 Remaja di Malaysia

Menurut Jannah (2016) semua individu pernah melalui zaman remaja dalam hidup mereka. Zaman remaja adalah tahap di mana remaja menghadapi banyak cabaran dan kekeliruan. Pada masa kini, banyak remaja menghadapi cabaran dalam perkembangan mereka dan terlibat dalam penyalahgunaan dadah, ketagihan pornografi dan seks, atau menjadi mangsa seks. Remaja perlu menyesuaikan diri mereka dengan cabaran yang mereka hadapi dan melalui fasa kritikal tanpa tekanan yang berat yang boleh menyebabkan terjadinya perkara-perkara yang tidak diinginkan seperti perkahwinan awal dalam kalangan remaja. Di Malaysia, remaja berkahwin lebih awal kerana mereka tidak berfikir jauh tentang perkahwinan dan membuat keputusan secara tergesa-gesa tanpa memikirkan apa yang mereka akan hadapi di masa hadapan (Saim et al., 2018).

2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan

2.3.1 Pengalaman Remaja Yang Berkahwin Pada Usia Remaja

Saim et al. (2018) mengkaji mengenai perkahwinan remaja di Kuching, Sarawak. Kajian tersebut menunjukkan pengalaman remaja mengenai perkahwinan awal di kalangan remaja dan pandangan mereka mengenai perkahwinan remaja. Sampel kajian ini ialah tujuh remaja perempuan yang berumur antara 15 tahun hingga 23 tahun yang menetap di Kuching, Sarawak dan sudah berkahwin atau mempunyai pengalaman berkahwin.

Hasil kajian mendapati hampir semua responden telah berkahwin selama lebih enam bulan. Selain itu, kajian juga mendapati hanya seorang responden yang telah berkahwin semasa masih belajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa

responden yang ditemuramah mempunyai pengalaman yang berbeza sepanjang perkahwinan mereka. Bagi pengalaman perkahwinan, terdapat tujuh tema utama yang telah dikenalpasti iaitu belajar berdikari, memupuk sikap sabar, menjaga pergaulan, membina sikap bertanggungjawab, pembakar semangat, sentiasa positif dan diragui keupayaan sebagai pasangan.

Sebahagian responden menyatakan bahawa selepas berkahwin mereka lebih berusaha untuk tidak bergantung kepada ibu bapa mereka lagi. Mereka memilih untuk tinggal berasingan dari ibu bapa kedua-dua belah keluarga. Hal ini adalah untuk mengelakkan konflik dalam keluarga. Responden juga tidak lagi membuat suatu perkara sesuka hati selepas berkahwin, menjaga adab sebagai seorang anak, mencuba untuk menjalinkan hubungan yang baik dengan mertua, serta menjaga aktiviti dan pergaulan seharian mereka. Responden juga menyatakan bahawa dengan perkahwinan ia dapat memupuk sikap sabar dalam diri mereka lebih-lebih lagi apabila mereka telah menempuhi pelbagai cabaran sebelum mendirikan rumah tangga. Disebabkan oleh cabaran yang mereka alami, responden dan suami mereka mengambil keputusan untuk berkahwin pada usia remaja. Di samping itu, selepas berkahwin responden menjadi lebih bertanggungjawab dengan melebihi dan meluaskan masa dengan keluarga serta keluarga mertua, dan mengambil alih tugas menjaga anak. Responden juga ada menyatakan bahawa perkahwinan mereka menjadi pendorong utama dan pembakar semangat untuk mencapai kejayaan dan sebagainya. Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa selepas mereka berkahwin, mereka lebih berfikiran positif dan mengabaikan perkara-perkara negatif dari orang sekeliling mereka terutamanya apabila orang lain bercakap mengenai perkahwinan awal mereka. Akhir sekali, terdapat responden yang berkongsi tentang keupayaan sebagai pasangan diragui oleh ibu bapa suami responden yang pada awalnya menentang keputusan mereka untuk berkahwin kerana usia mereka yang masih terlalu muda dan belum cukup matang untuk mengharungi dugaan yang akan mereka hadapi selepas berkahwin.

2.3.2 Pandangan Remaja Perempuan Mengenai Perkahwinan Remaja

Mardi et al. (2018) mengkaji persepsi remaja perempuan mengenai perkahwinan di usia remaja. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi mereka terhadap perkahwinan awal di kalangan remaja. Hasil kajian menunjukkan persepsi negatif remaja perempuan mengenai perkahwinan pada usia remaja. Sampel kajian ini merupakan 14 remaja perempuan yang berkahwin yang pada usia 13 tahun hingga 19 tahun dan bersekolah di pusat penjagaan kesihatan bandar-luar bandar di Ardabil, Iran antara Mei 2016 hingga Januari 2017. Kajian mendapati bahawa jangka hayat perkahwinan adalah antara 45 hari hingga 3 tahun.

Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tiga kategori utama mengenai persepsi dan masing-masing terdiri daripada tiga subkategori. Kategori utama termasuklah "rasa perkembangan seksual yang salah", "kematian impian", dan "kemerdekaan yang terancam". Bagi perkembangan seksual yang salah, hasil kajian menunjukkan bahawa mereka merasa lengkap dan dewasa setelah berkahwin dan melakukan hubungan seksual. Namun, tidak semua responden mempunyai perasaan yang baik mengenai hubungan seksual. Bagi kematian impian, responden menyatakan bahawa mereka berasa kecewa dan kehilangan semua harapan untuk memiliki pekerjaan yang baik dan masa depan yang baik sehingga mereka mengimpikan kematian. Mereka juga menyedari tentang kesukaran memikul tanggungjawab dalam kehidupan selepas berkahwin. Bagi kemerdekaan yang terancam, sebilangan responden tidak merasa bebas kerana mereka tidak dapat melanjutkan pelajaran seperti yang diinginkan. Hal ini kerana suami mereka tidak membenarkan mereka untuk melanjutkan pelajaran. Oleh itu, mereka tidak mempunyai harapan untuk memiliki pendapatan sendiri kerana tidak mempunyai kelulusan pendidikan yang baik.

Saim et al. (2018) juga mengkaji tentang pandangan remaja perempuan di Kuching, Sarawak mengenai perkahwinan pada usia remaja. Sampel kajian merupakan 7 wanita berkahwin yang berumur antara 15 tahun hingga 23 tahun. Hasil kajian menunjukkan responden memberi pandangan yang berbeza mengenai perkahwinan awal. Terdapat responden yang menyokong dan ada

juga yang menolak mengenai perkahwinan awal dalam kalangan remaja. Responden berpandangan bahawa perkahwinan awal adalah suatu perkara yang baik kerana dapat mengelakkan individu daripada melakukan maksiat atau berlaku perkara yang tidak diinginkan. Terdapat juga responden yang berpandangan bahawa remaja yang berkahwin awal belum cukup matang. Hal ini kerana perkahwinan memerlukan persediaan mental dan fizikal yang cukup. Terdapat juga responden yang berpendapat bahawa remaja perlulah bijak membuat keputusan kerana keputusan untuk berkahwin merupakan satu keputusan yang besar dan memerlukan persetujuan ibu bapa. Remaja perlu berfikiran jauh sebelum mengambil keputusan untuk berkahwin dan mengambil kira impak negatif berkahwin pada usia remaja seperti tidak lagi berpeluang untuk menyambung pelajaran. Akhir sekali, pasangan yang berkahwin pada usia remaja perlu bertanggungjawab terhadap tindakan yang dilakukan dan bersedia memikul tanggungjawab sebagai suami isteri.

2.3.3 Faktor Perkahwinan Awal

Kohno et al. (2020) mengkaji mengenai faktor perkahwinan awal dalam kalangan remaja perempuan di Sarawak, Malaysia. Sampel bagi kajian ini ialah 22 wanita yang berkahwin semasa berumur 18 tahun dan kebawah di Kuching, Sarawak, Malaysia. Daripada hasil kajian, terdapat empat faktor yang telah dikenal pasti iaitu tingkah laku berisiko, kemiskinan keluarga, perkahwinan awal sebagai jodoh, dan ketidakharmonian keluarga.

Bagi faktor yang pertama iaitu tingkah laku berisiko, kebanyakan responden berkahwin pada usia remaja kerana disyaki sama ada melakukan hubungan seks tanpa perlindungan atau telah mengandung sebelum berkahwin. Responden menyatakan bahawa ibu bapa mereka menyarankan mereka untuk berkahwin agar tidak berterusan melakukan hubungan seks sebelum sebelum mereka mempunyai hubungan yang sah. Terdapat juga responden yang berkahwin pada usia remaja kerana telah mengandung sebelum berkahwin dan terpaksa berhenti persekolahan semasa di tingkatan 4.

Bagi faktor kemiskinan keluarga, remaja yang berkahwin pada usia remaja kebanyakannya telah berhenti persekolahan sebelum berkahwin dan

mereka juga berkahwin untuk meringankan beban kewangan ibu bapa mereka. Responden berpendapat bahawa jika mereka berkahwin pada usia muda, ia dapat mengurangkan bilangan tanggungan ibu bapa mereka. Hal ini kerana, apabila responden telah berkahwin, mereka akan ditanggung sepenuhnya oleh suami mereka. Faktor seterusnya iaitu menganggap perkahwinan awal sebagai jodoh. Terdapat responden yang hanya menyatakan bahawa mereka berkahwin pada usia remaja kerana mereka mencintai antara satu sama lain dan menganggap bahawa jodoh mereka telah sampai pada waktunya.

Faktor yang terakhir ialah ketidakharmonian keluarga dimana terdapat responden yang mempunyai hubungan yang tidak baik dengan keluarga mereka dan perkara tersebut menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk berkahwin pada awal usia. Terdapat juga responden yang mempunyai ibu bapa yang telah bercerai ketika responden berumur 10 tahun. Oleh itu, responden menginginkan perhatian dan berasa lebih selesa apabila mereka berkahwin pada usia remaja kerana sudah mempunyai seseorang yang boleh memberi perhatian kepada mereka.

Jisun (2016) mengkaji mengenai perkahwinan awal di kalangan wanita di Bangladesh. Sampel kajian ini adalah 17,872 perempuan yang berkahwin dan berusia antara 12 tahun hingga 49 tahun di Bangladesh. Hasil kajian menunjukkan beberapa faktor perkahwinan awal. Antaranya ialah pendidikan responden, pendidikan suami, tempat tinggal, agama, dan status pekerjaan responden. Dari hasil kajian, kadar perkahwinan awal lebih tinggi di kalangan responden dari kawasan luar bandar. Faktor yang mempengaruhi perkahwinan awal yang telah dikenal pasti ialah pendidikan responden, pendidikan suami, tempat tinggal, agama, dan status pekerjaan responden. Faktor-faktor tersebut dilihat boleh menyebabkan perkahwinan awal di luar bandar meningkat.

2.4 Teori Identiti Sosial

Teori identiti sosial menerangkan bagaimana konsep sendiri berkait dengan keahlian kumpulan dan tingkah laku antara kumpulan. Dalam Teori Identiti Sosial, kumpulan khas terjadi melalui proses pengkategorian sosial, pengenalan sosial, dan perbandingan sosial (Teori Identiti Sosial, 2019). Pengkategorian sosial boleh dilihat